



MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN IKLAN

BAHAGIAN PELESEN

MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

21700 KUALA BERANG, TERENGGANU

TEL: 09-6811466 / 09-6811149

EMAIL: mdht@terengganu.gov.my

WEBSITE: www.mdht.gov.my

TERBITAN 22 OGOS 2023 (BIL.1/2023)

1. OBJEKTIF GARIS PANDUAN

Garis panduan ini menerangkan mengenai tatacara untuk memohon lesen iklan di dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Hulu Terengganu.

2. OBJEKTIF PELESENAN

Untuk memastikan iklan yang dipamerkan di dalam kawasan pentadbiran Majlis mempunyai lesen yang sah dan mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan merujuk kepada Undang-Undang Kecil Iklan (MDHT) 1983 termasuk kandungan Bahasa yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP).

3. SKOP PELESENAN

Bil.	Aktiviti	Definisi	Contoh
1.	Iklan Premis	Iklan yang dipamerkan pada premis perniagaan	
2.	Banting	Rangkaian jalur kain dan sebagainya yang digunakan untuk menghebahkan sesuatu kegiatan, promosi dan sebagainya yang diletakkan di tempat awam seperti tiang lampu	
3.	Kain Rentang	Rangkaian jalur kain dan sebagainya yang digunakan untuk menghebahkan sesuatu kegiatan, promosi dan sebagainya yang diletakkan di tempat awam seperti kerangka milik Majlis dan hadapan premis	
4.	Billboard	Merupakan paparan iklan bagi barangan, aktiviti atau perkhidmatan yang disokong oleh struktur	

4. ASAS PERUNDANGAN

Semua iklan yang dilesenkan adalah berdasarkan pada Undang-Undang Kecil yang diwartakan bagi digunapakai oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu iaitu :

- i. Undang-Undang Kecil Iklan MDHT 1983

5. LARANGAN DAN LOKASI YANG TIDAK DIBENARKAN

Mengikut Undang-Undang Kecil Iklan (MDHT) 1983, tiada seorang pun boleh mempamerkan atau mendirikan atau menyebabkan dipamerkan atau didirikan apa-apa iklan tanpa lesen yang di keluarkan oleh Majlis.

Bil.	Kawasan Larangan Pemasangan
1.	Menutup tingkap
2.	Menutup fasat bangunan
3.	Pemasangan di tiang lampu isyarat
4.	Di kawasan persimpangan jalan yang boleh menyebabkan bahaya kepada pengguna jalanraya
5.	Pagar sekolah, masjid dan pejabat-pejabat kerajaan (perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu)

6. SYARAT ASAS PERMOHONAN

Bil.	Syarat Asas Permohonan
1.	Lakaran visual bagi iklan hendaklah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka.
2.	Salinan lesen premis MPTI / Perakuan Pendaftaran Syarikat / Perniagaan (Borang 9, Borang 24, Borang 49)
3.	Mengisi dan mengemukan borang permohonan lesen bersama dokumen yang berkaitan.

7. DOKUMEN ASAS PERMOHONAN

Bil.	Dokumen Asas Permohonan	Keperluan
1.	Salinan lengkap perakuan pendaftaran Syarikat	Satu (1) salinan
2.	Kad pengenalan pemohon	Satu (1) salinan
3.	Lakaran visual iklan	Satu (1) salinan
4.	Pengesahan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP)	Satu (1) salinan
5.	Surat kebenaran / tawaran penyewaan bagi paparan billboard	Satu (1) salinan
6.	Pelan lokasi pemasangan iklan	Satu (1) salinan
7.	Satu salinan salinan pelan struktur iklan yang diiktiraf oleh jurutera bertauliah (jika berkaitan)	Satu (1) salinan

8. DOKUMEN TAMBAHAN BAGI PERMOHONAN PEMULANGAN/ BAYARAN BALIK WANG DEPOSIT/ CAGARAN


Bil.	Syarat Asas Permohonan	Keperluan
1.	Salinan kad pengenalan pemohon	Satu (1) salinan
2.	Bil cagaran asal / akuan bersumpah jika bil telah hilang	Satu (1) salinan
3.	Salinan muka hadapan penyata bank	Satu (1) salinan
4.	Gambar bukti penurunan iklan sementara	Satu (1) salinan

9. KAEDAH PERMOHONAN LESEN IKLAN


<p style="text-align: center;">Manual</p> <p>(borang permohonan boleh didapati di Kaunter Pelesenan, Pejabat Majlis Daerah Hulu Terengganu dan serahkan borang permohonan lengkap beserta dokumen lampiran secara manual di Kaunter Pelesenan MDHT)</p>	<p>Kaunter Bahagian Pelesenan Pejabat Majlis Daerah Hulu Terengganu 21700 Kuala Berang</p> <p>Waktu Operasi Kaunter: Ahad – Rabu 8.00 pagi – 5.00 petang Khamis 8.00 pagi – 3.30 petang</p> <p>No. Tel: 09-6811466 /6811149 Faks: 09-6811655 Email: mdht@terengganu.gov.my Lawan sesawang: www.mdht.gov.my</p>
--	---

10. KAEDAH PERMOHONAN LESEN IKLAN

Carta Alir Pemohonan Lesen Iklan



Carta Alir Permohonan Lesen Sementara



11. PIAGAM PELANGGAN KEPUTUSAN PERMOHONAN

Piagam Pelanggan	Tempoh
Tempoh proses permohonan lesen iklan	30 bekerja hari selepas menerima permohonan lengkap
Tempoh proses permohonan lesen iklan sementara	Kelulusan serta-merta satu (1) hari selepas menerima permohonan lengkap

12. KEPUTUSAN PERMOHONAN

Output	Lesen Iklan
Kelulusan dalam tempoh 30 hari bekerja	Pengeluaran lesen iklan
Kelulusan serta merta/ satu (1) hari	Pengeluaran permit iklan sementara /pengeluaran pekat selepas bayaran fi dan wang deposit/cagaran dijelaskan

13. KEPERLUAN PEMATUHAN AM


- i. Lesen hendaklah dipamerkan manakala bagi iklan sementara hendaklah dipamerkan dengan pelekat yang sah oleh Majlis.
- ii. Hendaklah memamtuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka dari segi penggunaan dan keutamaan Bahasa.
- iii. Pihak Majlis berhak menurunkan iklan akibat rosak, lokasi pemasangan bertentangan dengan kelulusan lesen, lesen tamat tempoh.
- iv. Pemohon hendaklah menurunkan iklan apabila tamat tempoh pemasangan. Wang deposit/ cagaran tidak akan dikembalikan sekiranya tidak diturunkan setelah 3 hari tamat tempoh lesen.

14. KEPERLUAN PEMATUHAN

a) Penggunaan Tulisan Dan Bentuk Lakaran

Setiap lakaran visual iklan hendaklah menggunakan Bahasa Malaysia serta tulisan jawi dan dipastikan betul dari segi penggunaan, susunan ayat, ejaan, tatabahasa dan sebagainya sebagaimana mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis dan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) disamping penggunaan bahasa-bahasa lain.

b) Contoh Lakaran Visual



c) Tempoh Kelulusan/ Tempoh Yang Dibenarkan.

Jenis Iklan	Lokasi	Tempoh Kelulusan
Iklan Premis,	Premis perniagaan	1 tahun
Lesen iklan Billboard	Billboard yang mempunyai kelulusan	1 tahun
Iklan sementara	Hadapan premis, tiang elektrik yang dibenarkan, kerangka Majlis	1 hingga 30 hari

- i. Permohonan pembaharuan lesen iklan premis/iklan billboard hendaklah dibuat bermula 1 Januari pada tiap-tiap tahun.
- ii. Semua iklan sementara mesti la diturunkan oleh pemohon selepas tempoh kelulusan lesen sementara tamat (selewat-lewatnya 3 hari). Tindakan undang-undang dan penguatkuasaan akan di ambil terhadap pemohon sekiranya gagal dan pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab ke atas pemasangan atau kehilangan iklan yang dipamerkan.

d) Lokasi / Syarat-Syarat Pemasangan

- i. Pada premis dan tempat yang dibenarkan oleh Majlis tanpa melanggar syarat yang telah ditetapkan.
- ii. Pemohon bertanggungjawab memastikan iklan dipamerkan dipasang dengan kemas, seragam dan teratur dan tidak mendatangkan kecauganggu kepada orang awam.
- iii. Pihak Majlis tidak bertanggungjawab ke atas kemalangan awam/ lain-lain yang berlaku disebabkan pemasangan iklan oleh pihak tuan.
- iv. Tuntutan wang deposit/ cagaran iklan boleh dibuat selepas penurunan iklan ibuat sebagaimana tempoh yang ditetapkan (3 hari selepas tamat tempoh lesen).
- v. Sebarang risiko kecederaan atau sebagainya semasa kerja-kerja pemasangan/penurunan dan sepanjang tempoh pemasangan akan ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.
- vi. Pemasangan iklan sementara juga dilarang di tiang behampiran dengan lampu isyarat (sekurang-kurangnya perlu jarak 1 tiang dari lampu isyarat) dan berhampiran dengan persimpangan jalan yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya dan orang awam.

e) Syarat Tambahan bagi Pemasangan Iklan

- i. Permohonan untuk lesen iklan hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Iklan (MDHT) 1983 dan menggunakan jenis papan iklan mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis.
- ii. Iklan atau papan tanda tidak boleh dipasang sebelum lesen diperolehi.
- iii. Iklan yang mempunyai struktur tambahan perlu mendapatkan permit sementara kawalan bangunan daripada Majlis. Iklan yang menutup tingkap adalah dilarang sama sekali.
- iv. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan dalam semua iklan sama ada secara sendiri atau dengan bahasa-bahasa lain.
- v. Iklan tidak boleh perkataan “Halal”, “Ditanggung Halal” atau lain-lain yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan atau minuman tersebut telah diproses/ dimasak/ dibuat mengikut piawaian Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu.
- vi. Paparan iklan yang berkaitan ubat-ubatan perlu mendapatkan kelulusan/ sokongan daripada Bahagian Farmasi Negeri di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

f) Kadar Bayaran

Bil.	Jenis Iklan	Fi (RM)
1.	Iklan tidak Bercahaya <ul style="list-style-type: none">• Bagi 9 meter persegi pertama.• Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan Iklan Bercahaya <ul style="list-style-type: none">• Bagi 9 meter persegi pertama.• Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan	50.00 5.00 Bayaran iklan yang menggunakan tulisan jawi adalah setengah daripada kadar yang dinyatakan 80.00 8.00 Bayaran iklan yang menggunakan tulisan jawi adalah setengah daripada kadar yang dinyatakan
2.	Iklan sementara a) Iklan kecil yang tidak lebih dari 1 meter persegi <ul style="list-style-type: none">• 1 hingga 100 unit• 101 hingga 500 unit• 501 hingga 1000 unit• 1000 dan keatas	6.00 setiap satu 4.00 setiap satu 3.00 setiap satu 2.00 setiap satu
3.	Pelekat	5.00 setiap satu

- i. Bayaran wang deposit/wang cagaran akan dikenakan sebanyak 50% daripada bayaran yang dikenakan atau RM 300.00 mengikut mana yang kurang. Tidak kurang dari RM 25.00.
- ii. Sitaan akan dibuat sekiranya iklan yang dipamerkan tanpa kelulusan daripada Majlis, visual berbeza dari visual yang dipohon, tidak pasang dengan sempurna, mempamerkan di lokasi yang tidak diluluskan dan tidak diturunkan setelah tamat tempoh kelulusan.
- iii. Tuntutan iklan yang telah disiti oleh pihak Majlis boleh dibuat di pejabat MDHT dan pemohon akan dikenakan denda/ kompaun sebelum penyerahan.
- iv. Pemohon hendaklah mematuhi arahan dan syarat-syarat tambahan MDHT dari semasa ke semasa.

15. KAEDAH PEMBAHARUAN LESEN IKLAN

PEMBAHARUAN LESEN IKLAN	TEMPOH BAYARAN	DOKUMEN FI	PIAGAM PELANGGAN
<ul style="list-style-type: none"> • Pembaharuan boleh dibuat di kaunter Pelesenan Pejabat Majlis Daerah Hulu Terengganu (Tidak termasuk iklan sementara) 	<ul style="list-style-type: none"> • 1 bulan selepas tamat tempoh sah lesen 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan lesen asal yang telah tamat tempoh • Fi sebagaimana kelulusan lesen jika tiada pindaan dibuat 	<ul style="list-style-type: none"> • Serta-merta setelah membuat pembayaran Fi lesen

16. BORANG PERMOHONAN LESEN IKLAN DAN IKLAN SEMENTARA



NO. SIRI:

**BORANG PERMOHONAN UNTUK LESEN IKLAN /PAPAN TANDA
DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL (IKLAN)
MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU 1983**

JADUAL KEDUA

**(Undang-Undang Kecil 7 (1))
MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU
Bagi Kelas A/B/C**

Dokumen yang perlu disertakan:

- Satu salinan lengkap pendaftaran syarikat (SSM)
- Satu salinan kad pengenalan pemohon
- Satu salinan lakaran (visual) iklan yang lengkap di atas kertas bersaiz A4.
- Pengesahan Dewan Bahasa Dan Pustaka Bagi Visual yang dipohon
- Surat kebenaran/ tawaran penyewaan bagi penggunaan paparan billboard
- Satu salinan peta lokasi pemasangan bagi papan tanda tunjuk arah/projek.
- Satu salinan lesen MDHT bagi pemohon iklan kekal di premis perniagaan.
- Satu salinan pelan struktur iklan yang diiktiraf oleh Jurutera bertauliah.

1. Nama Pemohon :

2. No. Kad Pengenalan/No. Pendaftaran Syarikat :

3. Alamat Pemohon/ Syarikat :

.....

.....

4. No. Tel rumah/ Pejabat/Bimbit :

5. Jenis Iklan* : Kain rentang Bunting Banner

6. Kategori Lesen* : Kelas A : Iklan Kekal

Kelas B : Iklan Sementara (Projek)


Kelas C : Iklan Kain Rentang/Banner/Bunting

Tanda (/) yang berkenaan

7. Butir-Butir iklan.

Bil	Tulisan (jawi/rumi)	Ukuran (M)		Kategori		Bahasa	Bil. iklan
		Panjang	Lebar	Bercahaya	Tak bercahaya		

CONTOH LAKARAN VISUAL IKLAN



8. Alamat dimana iklan/tanda dibungkus/papan/poster hendak dipamerkan:

- i.Hulu Terengganu
- ii.Hulu Terengganu
- iii.Hulu Terengganu
- iv.Hulu Terengganu
- v.Hulu Terengganu
- vi.Hulu Terengganu

9. Tempoh Iklan : Daripada
 Dipamerkan : Hingga
 (*Bagi iklan sementara*)

10. Kain rentang, banting perlu ditanggalkan selepas 3 hari daripada tarikh tamat. Sekiranya gagal deposit tidak akan dipulangkan.

11. Kain rentang, banting tidak boleh diletakkan pada tiang *traffic light* (lampu isyarat).

Saya berikrar bahawa iklan/papan tanda /poster yang dicadangkan itu tidak akan dipamerkan sehingga suatu lesen yang telah diluluskan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Terengganu. Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang tercatat dalam borang ini dan lampiran-lampiran yang disertakan adalah benar belaka. Saya akan mematuhi semua syarat-syarat yang dikenakan terhadap saya mengikut Undang-Undang Kecil Majlis Daerah Hulu Terengganu 1983, peraturan dan arahan Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Terengganu.

.....
(Tandatangan Pemohon dan Cop Syarikat)

Nama :.....

Jawatan :.....

Tarikh :.....

17. BORANG PERMOHONAN WANG CAGARAN / DEPOSIT IKLAN SEMENTARA



BAHAGIAN PELESENAN
MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

BORANG TUNTUTAN WANG CAGARAN IKLAN		
Tuntutan Cagaran Akan Dibuat Atas Nama Syarikat		
BUTIRAN PEMOHON		
Nama Pemohon / Nama Syarikat :		No. Kad. Pengenalan / No. Daftar Syarikat
		No. Telefon :
Alamat Perniagaan :		Alamat Cek Diposkan :
No. Akaun Cagaran Amanah		Jumlah Tuntutan :
Nama Bank :		No. Akaun Bank Syarikat :
MAKLUMAT LESEN		
No. Akaun Lesen :		
Tempoh Pemasangan :	Mula :	Tamat :
Sebab - Sebab Tuntutan Wang Cagaran :		
AKUAN		
Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar belaka. Sekiranya pihak Majlis mendapati terdapat kain rentang atau banting / papan tanda yang tidak diturunkan oleh pihak Majlis atau dipamerkan melebihi keluasan atau visual yang diluluskan, Majlis berhak menarik balik tuntutan cagaran saya.		
Tandatangan Pemohon :		Tarikh :
Cop Perniagaan :	Sila lampirkan :	
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Salinan Kad Pengenalan 2. Bil Cagaran Asal / (Akuan Bersumpah jika bil telah hilang) 3. Salinan Muka Hadapan Penyata Bank 4. Gambar bukti penurunan iklan sementara 	

Akuan Penerimaan Borang Tuntutan Wang Cagaran Iklan (Salinan Pemohon)

Nama Syarikat : _____

No. Akaun Cagaran : _____

Jumlah : _____

Diterima oleh : _____